

29 JUL 2003

UPDATE MAHATHIR-MSC

MSC KINI SUDAH BERJAYA, KATA DR MAHATHIR

CYBERJAYA, 29 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan golongan yang meragui sama ada projek Koridor Raya Multimedia (MSC) akan menjadi satu realiti perlu melihat kepada bilangan syarikat berstatus MSC yang berdaftar sehingga hari ini.

Beliau berkata walaupun kerajaan pada asalnya mensasarkan untuk mempunyai 500 syarikat berstatus MSC menjelang 2003, angkanya kini mencapai 800.

"Jika itu bukan satu kejayaan, jadi apakah makna kejayaan," katanya di majlis perasmian bangunan Ericsson@MSC, di sini, hari ini.

Bangunan yang menelan kos RM80 juta itu merupakan hub serantau merangkap ibu pejabat Ericsson bagi Ericsson Malaysia.

Ia menempatkan pameran utama rangkaian "secara langsung" yang mempamerkan evolusi standard telekomunikasi mudah alih daripada Sistem Global bagi Komunikasi Mudah Alih (GSM) kepada generasi ketiga.

Dr Mahathir berkata syarikat-syarikat seperti Ericssonlah yang membantu aspirasi kerajaan dalam mengubah Cyberjaya menjadi hub industri era maklumat yang berjaya.

"Kita kini melihat lebih banyak syarikat berpindah ke Cyberjaya," katanya.

Malaysia, katanya "gembira dikaitkan" dengan Ericsson kerana syarikat itu mempunyai kelebihan dalam teknologi telekomunikasi dan berpandangan jauh terhadap bentuk teknologi masa depan.

"Kita mahu bergerak seiring dengan yang lain di dunia dan mahu memastikan kita betul-betul faham dengan teknologi canggih," kata Dr Mahathir.

Kemudiannya, ketika merasmikan HSBC Electronic Data Processing (Malaysia) Sdn Bhd juga di sini, beliau berkata pihak yang mencurigai projek MSC kini terpaksa menelan kata-kata mereka sendiri seperti mana yang berlaku kepada golongan yang mengkritik projek kereta nasional dahulu.

"Kami sudah biasa dengan orang berkata kepada kami bahawa apa yang kami buat adalah silap tetapi terbukti mereka yang terpaksa menelan kata-kata mereka sendiri kemudiannya," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan tidak begitu bimbang dengan golongan seperti itu.

Beliau berkata dasar mesra perniagaan kerajaan telah membuahkan hasil apabila banyak syarikat yang mahu melabur di Malaysia.

"Terima kasih kepada dasar itu, Malaysia telah menarik pelaburan asing sudah lama lagi sebelum +Pelaburan Langsung Asing+ menjadi ungkapan pilihan," katanya.

Bermula dengan industri elektronik pada 1970an, beliau berkata, Malaysia kini telah beralih kepada teknologi maklumat (IT) untuk terus merangsang ekonomi negara.

Dr Mahathir berkata keputusan yang diambil oleh syarikat-syarikat utama seperti HSBC untuk membuka kemudahan di Cyberjaya merupakan satu tindakan yang baik kerana bandar pintar ini dibina khusus untuk menyediakan keperluan perniagaan yang beroperasi di peringkat antarabangsa.

Kemudahan itu merupakan pusat perkhidmatan kumpulan (GSC) keenam dan terbesar HSBC di mana semua jenis urusan akan diproses iaitu yang dihantar daripada pejabat kumpulan di Amerika Syarikat, Emiriyah Arab Bersatu, Singapura, Hong Kong, Australia, New Zealand dan Kanada.

GSC HSBC lain terletak di Hyderabad dan Bangalore di India dan Shanghai

serta Guangzhou di China.

Bercakap di sidang media kemudiannya, ketua pegawai operasi Kumpulan HSBC, Alan Jebson, berkata syarikat itu akan melabur kira-kira RM80 juta untuk GSC Malaysia bagi tempoh tiga tahun akan datang.

Beliau berkata GSC itu dijangka mengambil 550 pekerja pada akhir tahun ini.

Ketika ini pusat tersebut beroperasi di bangunan sementara dan akan berpindah ke bangunan baru seluas 200,000 kaki persegi itu apabila ia siap kelak. -- BERNAMA

MAM/MAD FR ZK